

Kestabilan politik syarat utama laksana pembangunan

Johor perintis projek penyediaan 5G tingkat perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar

Oleh Junita Mat Rasid,
Mohamed Farid Noh
dan Mahaizura Abd Malik
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Kestabilan politik adalah syarat utama untuk kerajaan merealisasikan segala perancangan dan pembangunan yang sudah dirancang, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, apa pun yang dirancang, pastinya tidak akan berjaya dalam keadaan politik yang tidak stabil.

"Saya bersetuju dengan Menteri Besar, Datuk Seri Hasni Mohammad bahawa di Johor, kestabilan politik adalah sangat perlu bagi memastikan segala pe-

rancangan pembangunan yang dilakukan dapat direalisasikan.

"Pada peringkat Persekutuan, insya-Allah dengan kerjasama semua pihak termasuk pembangkang maka kita berjaya mewujudkan kerajaan Pusat yang stabil ketika ini seperti yang di-sifatkan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ketika titah Diraja sewaktu pembukaan Parlimen baru-baru ini.

"Saya percaya di Johor juga kita memerlukan kerajaan negeri yang stabil supaya setiap perancangan oleh Menteri Besar dapat direalisasikan demi kepentingan rakyat Johor.

"Saya doakan kejayaan Datuk Seri Hasni selaku Menteri Besar Johor dan kerajaan Johor," katanya ketika berucap melancarkan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM), semalam.

Yang turut hadir, Hasni yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Johor; Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein serta Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohd Sadique yang juga Menteri Peneraju Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Johor.



Ismail Sabri menyampaikan sumbangan daripada Yayasan Keluarga Malaysia kepada penerima pada majlis pelancaran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Plaza Angsana, Johor Bahru, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Pada 22 Januari lalu, Hasni yang mendapat perkenan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar bagi membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) dilaporkan berkata, Pilihan Raya Negeri (PRN) perlu untuk mandat baharu rakyat.

Ia berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kempas, Datuk Osman Sopian pada 21 Disember lalu menyebabkan kedudukan kerajaan negeri Johor dilihat tidak kukuh kerana hanya mempunyai majoriti satu kerusi iaitu 28 kerusi berbanding 27 kerusi di blok pembangkang.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, Program AKM yang dianjurkan buat julung kalinya mencatatkan kejayaan apabila meraih padanan perniagaan berjumlah RM5.26 juta, lebih daripada sasaran awal sebanyak RM3 juta.

Katanya, Jelajah AKM sangat penting dalam menguar-uarkan manifestasi dan pelaksanaan usaha berterusan kerajaan dalam membantu meringankan beban rakyat secara turun padang ke seluruh negara.

"Alhamdulillah suka saya berkongsi kejayaan Program Jelajah

Aspirasi Keluarga Malaysia di Johor Bahru yang bermula sejak Khamis lalu merekodkan hasil jualan usahawan tempatan dengan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM186,191. Jualan itu, dihasilkan melalui enam gerai jualan Keluarga Malaysia yang mengambil bahagian bernilai RM49,110.

"Bagi segmen Jualan Usahawan yang membabitkan 150 gerai turut merekodkan jualan RM130,447.40, sembilan booth segmen jualan Citarasa Keluarga Malaysia pula mencatatkan jualan RM27,811 manakala jualan Food Truck pula sebanyak RM22,346," katanya.

Jelajah AKM adalah kesinambungan daripada kejayaan penganjuran program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 9 hingga 12 Disember tahun lalu.

Johor menjadi lokasi pertama jelajah berkenaan tahun ini sebelum diteruskan di 12 negeri di seluruh negara dan penutupnya akan diadakan di Putrajaya dengan menawarkan segmen perkhidmatan sama seperti penerangan perkhidmatan kementerian-

an, agensi dan kerajaan negeri, perkhidmatan insolvensi, permohonan skim kredit, kaunseling kewangan, khidmat nasihat pembiayaan, perkhidmatan sistem pendaftaran dalam talian kerajaan serta sesi bimbingan dan khidmat nasihat usahawan.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, Johor akan menjadi perintis dalam projek penyediaan 5G bagi meningkatkan perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar.

"Kerajaan juga komited meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar dengan melaksanakan inisiatif penyediaan 5G runcit bagi memudahkan akses yang lebih pantas dan berkualiti serta dapat mempertingkatkan kualiti perkhidmatan internet dalam bangunan bagi membantu komunikasi secara dalam talian.

"Bagi memperhebatkan kualiti perkhidmatan Internet, Kementerian Komunikasi dan Multimedia turut mengambil inisiatif memantau kualiti perkhidmatan Jalur Lebar Tanpa Wayar di seluruh negara dalam tempoh enam bulan dan projek rintis ini akan dimulakan di Johor membabitkan 3,000 lokasi," katanya.